

Impak Konvensyen Pemerkasaan terhadap Kepimpinan Siswi di Institut Pengajian Tinggi Malaysia
(*The Impact of Leadership Empowerment Convention on Female Student Leadership in Malaysian
Institutes of Higher Education*)

WILFRED MOK KOK HOE*, NUR AIMI AMALINA ABDUL AZIZ, LAI WEI SIENG,
ROSLEE RAJIKAN & NOOR ALAUDIN ABDUL WAHAB

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menilai impak program Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Siswi (KPKS 2021) terhadap peserta program. Indikator impak yang diukur meliputi pencapaian objektif program, perbezaan efikasi sendiri, perbezaan persepsi Personal Development Attitude Competition (PDAC) serta analisis keseluruhan program selepas KPKS berlangsung. Responden terdiri daripada 270 orang peserta dari IPTA/IPTS/Kolej Komuniti/ Politeknik. Analisis deskriptif mendapati majoriti peserta sangat bersetuju dengan pencapaian objektif program serta berlakunya peningkatan efikasi sendiri, keseronokan dan penguasaan dalam tugas. Analisis keseluruhan mendapati peserta sangat setuju bahawa program ini berjaya dan memberi manfaat kepada peserta. Kesimpulannya, program KPKS memberi impak yang tinggi kepada peserta dari segi pengetahuan, sikap dan amalan terhadap ciri-ciri kepimpinan, motivasi dan juga perkembangan sendiri.

Kata kunci: Kepimpinan, Konvensyen, Impak, Pemerkasaan, Siswi

ABSTRACT

This study aims to evaluate the impact of the Student Leadership Empowerment Convention (KPKS 2021) on the participants. The impact indicators measured are the achievement of program objectives, differences in self-efficacy, differences in perceptions of Personal Development Attitude Competition (PDAC) as well as the analysis of the entire program after KPKS. Respondents comprised 270 participants from IPTA/IPTS/Community Colleges/ Polytechnics. The descriptive analysis found that most participants strongly agreed with the achievement of the program's objectives and an increase in self-efficacy, enjoyment, and mastery of tasks. Overall analysis found that participants strongly agreed that this program was successful and beneficial to them. In conclusion, the KPKS program significantly impacts participants' knowledge, attitudes, and practices related to leadership, motivation, and self-development.

Keywords: Leadership, Convention, Impact, Empowerment, Students

PENGENALAN

Definisi kepimpinan adalah amat luas serta bergantung kepada tujuan penyelidikan tersebut (Rozita et al., 2018). Antara pandangan berkaitan kepimpinan adalah ianya melibatkan keperluan asas manusia, iaitu pembentukan cara interaksi yang sesuai antara individu, individu dan kumpulan, dan kumpulan. Dalam mod interaktif ini, sekumpulan orang akan memainkan lebih banyak peranan daripada yang lain, dengan matlamat mengawal perhubungan mengikut norma dan peraturan yang berkenaan. Menurut Ibrahim Mamat (1993), ketua ialah individu dalam kumpulan yang diberi tanggungjawab untuk mengarah dan menyelaras aktiviti untuk mencapai matlamat kumpulan. Ini bermakna kepimpinan adalah proses mempengaruhi aktiviti kumpulan untuk mencapai hasil yang dirancang. Selain itu, beliau berpendapat bahawa seseorang pemimpin seharusnya mampu memberi inspirasi kepada pengikutnya untuk komited di dalam tugas bagi mencapai perkara yang hebat. Salah satu aspek penting adalah kepimpinan. Kepimpinan adalah abstrak yang kompleks yang memerlukan waktu yang lama untuk difahami dan matang. Banyak faktor yang mempengaruhi cara seseorang berfikir dan belajar. Ini termasuk hal rumah tangga, sekolah, dan komuniti yang lebih besar. Kepimpinan bukan hanya sekadar memiliki pengetahuan seperti ilmu pengetahuan atau teknologi, tetapi kepemimpinan harus diimbangi dengan keperibadian dan kesedaran spiritual yang tinggi agar pemimpin dapat menjalankan peranan kepimpinan yang adil dan bermoral untuk mencapai tujuan keadilan dan kesejahteraan universal.

Terdapat pelbagai takrifan kepimpinan, dan tinjauan literatur ilmiah mendapati bahawa terdapat pelbagai kecekapan, kemahiran, nilai dan tingkah laku yang dikenal pasti sebagai kunci kepada kapasiti kepimpinan. Salah satu bidang utama pembangunan kepimpinan, terutamanya yang terdapat dalam model kepimpinan yang dibangunkan untuk pelajar kolej, adalah tumpuan kepada diri sendiri. Secara lebih khusus, model kepimpinan cenderung memberi tumpuan kepada pemahaman tentang diri sendiri, keupayaan untuk mengurus diri sendiri, bertindak mengikut nilai-nilai seseorang, menjadi seorang yang berkarakter, dan menunjukkan komitmen (Goleman, Boyatzis, & McKee, 2002, Komives, Lucas, & McMahon, 2007; Shankman & Allen, 2008).

Umumnya, kebanyakan pernyataan misi institusi pengajian tinggi amat menekankan hasil yang berkaitan dengan pembangunan kepimpinan pelajar serta pencapaian tahap kematangan perkembangan yang lebih tinggi dalam bidang kemahiran kepimpinan,

pengetahuan, dan kecekapan (*Council for the Advancement of Standards in Higher Education*, 2006; Roberts & Ullom, 1990). Sehubungan itu, perkembangan kepimpinan pelajar institusi pengajian tinggi merupakan antara tumpuan utama di dalam urusan hal ehwal pelajar, dan menjadikan kajian akademik kepimpinan semakin terkehadapan (Komives, Dugan, Owen, Slack, & Wagner, 2006; Roberts, 1997). Hasil dari kajian literatur dan penyelidikan terdahulu mengenai pembangunan kepimpinan pelajar kolej, terdapat tiga pembolehubah persekitaran secara konsisten muncul sebagai pengalaman yang menyumbang kepada pembangunan aspek pembangunan peribadi kepimpinan (Astin 1993; Cooper, Healy & Simpson, 1994; Dugan 2006b; Kezar & Moriarty, 2000; Pascarella & Terenzini, 2005). Pengalaman ini termasuk penglibatan kokurikulum, memegang peranan kepimpinan formal, dan mengambil bahagian dalam latihan kepimpinan dan program pendidikan yang penting dalam membentuk ciri-ciri kepimpinan pelajar institusi pengajian tinggi.

Melalui penyertaan pelajar dalam program kepimpinan, pandangan serta cadangan dari pelajar dapat membantu universiti di dalam mentadbir, mengurus dan merancang organisasi terutamanya yang berkaitan dengan kepentingan dan kebajikan pelajar. Antara kepentingan sumbangan pelajar dalam pentadbiran universiti ialah sebagai sistem semak dan imbang dengan pengurusan universiti, termasuklah Pusat Tanggungjawab serta warganya. Kuh, Schuh, Whitt, Andreas, Lyons, Strange, Krehbil, dan Mc Kay (1991) menyatakan bahawa "berbanding dengan pelajar yang tidak mengambil bahagian, pelajar yang mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti akademik dan bukan akademik memperoleh pengalaman universiti yang lebih berharga".

Program latihan dan pendidikan kepimpinan merujuk kepada sebarang program atau aktiviti yang direka dengan sengaja dengan tujuan untuk membangunkan atau meningkatkan kemahiran kepimpinan, pengetahuan, atau kebolehan pelajar kolej (Haber, 2006). Program-program ini boleh merangkumi komponen latihan kepimpinan, pendidikan, dan pembangunan melalui cara seperti seminar dan bengkel, mentor, penceramah jemputan, perkhidmatan dan penempatan sukarelawan, kursus kepimpinan, pendidikan luar, dan persidangan (Zimmerman Oster & Burkhardt, 1999). Di peringkat institusi dan nasional, pembangunan kepimpinan mendapat banyak perhatian daripada pembelajaran pelajar di peringkat pengajian tinggi. Misi institusi menekankan kepimpinan dalam masyarakat (Astin & Astin 2000) dan kampus kolej juga menawarkan pelbagai latihan kepimpinan, pendidikan, serta peluang pembangunan sahsiah (Komives et al.

2011).

Oleh sedemikian, Pusat Hal Ehwal Pelajar (HEP) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil maklum hasrat Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH), Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk mengadakan dan menguruskan Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Siswi (KPKS) 2021. KPKS ini bertujuan untuk mewujudkan penglibatan secara langsung dalam kalangan peserta melalui sesi interaksi dan perbincangan dalam kumpulan untuk pembentangan kertas kerja. Selain itu, KPKS ni juga melatih peserta dalam berfikir secara kreatif dan inovatif untuk menempa kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Seterusnya, KPKS ini membentuk dan melahirkan barisan pemimpin siswi yang kental dan mempunyai sahsiah diri yang cemerlang. Selepas program ini berlangsung, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menilai impak program KPKS terhadap peserta program.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian berbentuk deskriptif dan hirisan-lintang ini bertujuan mendapatkan maklum balas peserta terhadap pengetahuan, sikap dan amalan peserta terhadap ciri-ciri kepimpinan, motivasi, dan perkembangan sendiri. Terdapat 2 set borang soal selidik, set pertama borang soal selidik KPKS 2021 mengandungi 29 soalan yang terbahagi kepada 3 kategori iaitu 9 soalan berkenaan objektif program, 10 soalan daripada soal selidik Efikasi Kendiri Umum, dan 10 soalan daripada soal selidik Persaingan Sikap Pembangunan Diri. Selain itu, terdapat 1 set borang soal selidik keberkesanan keseluruhan program juga diedarkan yang mengandungi 10 soalan. Seramai 270 orang peserta dari IPTA/IPTS/ Kolej Komuniti/Politeknik yang telah menyertai KPKS 2021 diminta untuk mengisi satu set borang soal selidik pra dan pasca konvensyen. Semua borang soal selidik KPKS 2021 ini ditadbir secara atas talian melalui aplikasi *Google Form*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jumlah peserta yang menjawab borang soal selidik pra konvensyen adalah seramai 232 orang manakala jumlah peserta yang menjawab borang soal selidik pasca konvensyen pula adalah sebanyak 138 orang.

Pencapaian Objektif Program

Jadual 1 menunjukkan perbezaan pencapaian objektif KPKS 2021 para peserta sebelum dan selepas program berlangsung. Secara keseluruhannya, para peserta sangat bersetuju bahawa program KPKS 2021 menjadikan mereka lebih bermotivasi untuk menjadi pemimpin yang unggul, mendapat gambaran masa depan yang lebih jelas, serta sesi perbincangan yang diadakan menjadikan minda peserta lebih terbuka. Selain itu, KPKS 2021 juga meningkatkan keyakinan mereka dalam menyumbang pendapat dan idea dalam perbincangan, membentuk sahsiah diri yang kental dan cemerlang dan seterusnya dapat menambah ilmu dan pengalaman baru. Selain itu, terdapat peningkatan peratusan dalam kalangan peserta yang sangat bersetuju bahawa mereka mampu mewujudkan perbincangan yang kritis, berfikir secara kreatif dan inovatif, serta dapat membuat keputusan yang rasional dengan ciri-ciri pemimpin.

Efikasi Kendiri Umum

Efikasi sendiri ialah kepercayaan terhadap kebolehan diri sendiri, khususnya keupayaan untuk menghadapi cabaran yang mendatang dan menyelesaikan sesuatu tugas dengan jayanya (Akhtar, 2008). Analisis perbezaan efikasi sendiri umumpara peserta sebelum dan selepas KPKS 2021 berlangsung (Jadual 2) mendapati mereka sangat setuju bahawa selepas menghadiri KPKS, mereka mampu menyelesaikan masalah yang sukar sekiranya mereka berusaha dengan bersungguh-sungguh, mampu mencari kaedah atau cara lain untuk mendapatkan apa yang diinginkan dengan berpegang kepada matlamat dan cita-cita. Di samping itu, para peserta juga sangat setuju bahawa mereka dapat menangani kejadian yang tidak dijangka dengan cekap. Berbekalkan sumber sekeliling, mereka juga tahu cara untuk menangani keadaan di luar jangkaan dan menyelesaikan masalah sekiranya mereka meletakkan usaha yang sepatutnya pada permasalahan tersebut. Selepas menghadiri KPKS 2021, para peserta sangat setuju bahawa mereka boleh kekal tenang ketika menghadapi kesukaran kerana percaya akan kebolehan diri. Apabila mereka berhadapan dengan masalah, mereka dapat berfikir dan mencari penyelesaian masalah bagi menangani apa sahaja yang datang kepada mereka.

Persaingan Sikap Pembangunan Diri

Bahagian seterusnya merupakan analisis terhadap *Personal Development Attitude Competition* (PDAC). PDAC merujuk kepada sikap dengan fokus utama

persaingan bukanlah hasil (iaitu, kemenangan), tetapi lebih kepada keseronokan dan penguasaan tugas. Individu yang mempunyai PDAC tinggi lebih mementingkan penerokaan sendiri, peningkatan sendiri dan penguasaan tugas berbanding persaingan dengan orang lain. Jadual 3 menunjukkan PDAC peserta sebelum dan selepas KPKS 2021 berlangsung. Secara keseluruhannya, terdapat peningkatan peratusan bagi peserta selepas menghadiri KPKS 2021 yang sangat setuju bahawa mereka sukakan persaingan kerana ia memberi peluang untuk mengetahui kemampuan mereka, kerana persaingan boleh menyebabkan terjalinnya persahabatan dengan orang lain. Peserta KPKS 2021 juga turut berasa bahawa mereka sukakan persaingan kerana ia cenderung menunjukkan apa yang terbaik dalam diri daripada hanya berasa lebih baik daripada orang lain. Peserta juga menunjukkan bahawa mereka suka persaingan kerana ia banyak mengajar tentang diri dan membantu dalam pembentukan diri yang lebih baik.

Peserta KPKS 2021 juga berasa bahawa selepas menghadiri program, mereka mendapati persaingan adalah menyeronokkan kerana ia membolehkan mereka menunjukkan potensi dan kebolehan diri semasa bertanding. Perasaan sukakan persaingan mendekatkan diri mereka dan pesaing sebagai rakan persaingan. Terdapat peningkatan peratus dalam kalangan peserta yang berpendapat bahawa selepas menghadiri KPKS mereka sangat setuju bahawa mereka sukakan persaingan kerana ia dapat membantu mereka dalam pengembangan potensi diri dengan lebih mendalam berbanding jika terlibat dalam satu aktiviti secara berseorangan sahaja. Selain itu, mereka juga sangat setuju bahawa persaingan memberi motivasi yang tinggi kepada mereka untuk menjadi seorang yang baik dalam diri dan bukannya untuk menjadi lebih baik daripada orang lain.

Keberkesanan Keseluruhan Program

Para peserta seterusnya diminta untuk menjawab borang soal selidik bagi penilaian keberkesanan keseluruhan program yang mengandungi 10 soalan seperti di Jadual 4. Majoriti peserta (70.4%) sangat bersetuju bahawa objektif program adalah tercapai. 62.8% peserta sangat setuju dengan peruntukan masa bagi sesi interaksi dan sesi perbincangan adalah mencukupi. 68.8% peserta juga sangat setuju bahawa teknik penyampaian panel penceramah dan moderator adalah menarik dan berkesan. 70.9% peserta berpendapat mereka sangat setuju bahawa program ini memberi input baru kepada peserta. Apabila ditanya tentang adakah sesi interaksi dan sesi perbincangan membuka minda positif peserta,

68.3% sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Di samping itu, 63.8% peserta sangat setuju bahawa penggunaan alat bantuan yang berkesan dalam setiap sesi KPKS. Terdapat 71.9% peserta sangat bersetuju dengan peningkatan motivasi diri setelah selesai semua sesi. 63.8% peserta bersetuju bahawa mereka mampu menentukan arah tuju dan perancangan masa depan yang jelas, manakala 66.3% peserta yang sangat bersetuju bahawa keseluruhan sesi perbincangan adalah kritis dan menyeronokkan. Secara keseluruhannya, 69.9% peserta sangat setuju bahawa program ini berjaya dan bermanfaat.

PERBINCANGAN

Program Konvensyen Pemerkasaan Kepimpinan Siswi dapat menggalakkan penglibatan aktif peserta melalui sesi interaktif dan perbincangan kumpulan serta pembentangan kertas kerja. Selain itu, program ini juga dapat melatih peserta berfikir secara kreatif dan inovatif bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Hasil soal selidik terhadap pencapaian objektif pra dan pasca konvensyen menunjukkan peningkatan peratus peserta lebih bermotivasi untuk menjadi pemimpin yang unggul, dan mendapat gambaran masa depan yang jelas. Peserta sangat bersetuju bahawa sesi perbincangan menjadikan minda peserta lebih terbuka dan lebih yakin dalam menyumbangkan pendapat dan idea dalam perbincangan selepas konvensyen. Melalui program ini, peserta dapat membentuk sahsiah diri yang teguh dan berkualiti, mempersiapkan mereka sebagai individu yang lebih berdaya tahan dan profesional. Hasil dapatan ini turut disokong oleh Dugan & Komives (2007) yang menekankan kepentingan program pembangunan kepimpinan dalam pembentukan sahsiah diri pelajar.

Di samping itu, program ini juga memberi peluang kepada peserta untuk memperluas pengetahuan dan mengumpul pengalaman baru yang relevan, menambahbaik kefahaman mereka dalam pelbagai aspek kepimpinan dan kemahiran insaniah. Gabungan antara kompetensi kepimpinan dan insaniah adalah penting bagi melahirkan graduan yang berkualiti tinggi dari segi akademik, aspek peribadi dan kepimpinan (Astin & Astin 2000). Selain memperkukuh kemahiran akademik dan profesional, peserta turut dilatih untuk mewujudkan perbincangan yang kritis dan analitis, di mana mereka digalakkan untuk menyuarakan pandangan dan idea dengan lebih mendalam. Program ini juga memupuk kemahiran berfikir secara kreatif dan inovatif, yang penting untuk menyelesaikan masalah dan menghasilkan strategi baru dalam konteks

JADUAL 1. Perbezaan pencapaian objektif program sebelum dan selepas program berlangsung.

Soalan	Sangat setuju			Setuju			Tak pasti			Tidak setuju			Sangat tidak setuju		
	Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas	
Peserta bermotivasi untuk menjadi pemimpin yang unggul.	118 (50.9%)	102 (73.2%)		105 (45.3%)	34 (24.6%)		9 (3.9%)	2 (1.4%)		0	0		0	0	
Peserta mendapat gambaran masa depan yang jelas	74 (31.9%)	90 (65.2%)		119 (51.3%)	44 (31.9%)		37 (15.9%)	4 (2.9%)		1 (0.4%)	0		1 (0.4%)	0	
Sesi perbincangan menjadikan minda peserta lebih terbuka.	106 (45.7%)	102 (73.9%)		114 (49.1%)	36 (26.1%)		12 (5.2%)	0		0	0		0	0	
Keyakinan dalam menyumbangkan pendapat/idea dalam perbincangan.	82 (35.3%)	92 (66.6%)		124 (53.4%)	45 (32.6%)		24 (10.3%)	0		2 (0.9%)	1 (0.7%)		0	0	
Peserta mampu membentuk sahsiah diri yang kental dan cemerlang	89 (38.4%)	95 (68.8%)		128 (55.2%)	41 (29.7%)		15 (6.5%)	2 (1.4%)		0	0		0	0	
Peserta mampu menambah ilmu dan pengalaman baru.	122 (52.6%)	102 (73.9%)		103 (44.4%)	36 (26.1%)		7 (3.02%)	0		0	0		0	0	
Peserta mampu mewujudkan perbincangan yang kritis.	84 (36.2%)	87 (63.0%)		115 (49.6%)	47 (34.1%)		31 (13.4%)	4 (2.9%)		2 (0.9%)	0		0	0	
Peserta mampu berfikir secara kreatif dan inovatif.	93 (40.1%)	92 (66.7%)		114 (49.1%)	45 (32.6%)		22 (9.5%)	1 (0.7%)		3 (1.3%)	0		0	0	
Peserta mampu membuat keputusan yang rasional dengan ciri-ciri pemimpin.	94 (40.5%)	89 (64.5%)		121 (52.2%)	47 (34.1%)		16 (6.9%)	1 (0.7%)		1 (0.4%)	1 (0.7%)		0	0	

JADUAL 2. Efikasi sendiri peserta KPKS sebelum dan selepas program berlangsung

Soalan	Sangat setuju			Setuju			Tidak setuju			Sangat tidak setuju		
	Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas		Sebelum	Selepas	
Selalunya saya mampu menyelesaikan masalah yang sukar sekiranya saya berusaha bersungguh-sungguh.	81 (34.9%)	83 (60.1%)		149 (64.2%)	54 (39.1%)		2 (0.9%)	1 (0.7%)		0	0	
Sekiranya seseorang menghalang saya, saya boleh mencari kaedah dan cara lain untuk mendapatkan apa yang saya mahu.	69 (29.7%)	73 (52.9%)		153 (65.9%)	63 (45.7%)		10 (4.3%)	2 (1.4%)		0	0	
Mudah bagi saya untuk berpegang pada matlamat dan mencapai cita-cita saya.	53 (22.8%)	77 (55.8%)		153 (65.9%)	56 (40.6%)		25 (10.8%)	4 (2.9%)		1 (0.4%)	1 (0.7%)	
Saya yakin saya dapat menangani kejadian yang tidak dijangka dengan cekap.	52 (22.4%)	65 (47.1%)		154 (66.4%)	69 (50.0%)		25 (10.8%)	3 (2.2%)		1 (0.4%)	1 (0.7%)	
Berbekalkan sumber sekeliling saya, saya tahu bagaimana untuk menangani keadaan di luar jangkaan.	48 (20.7%)	74 (53.6%)		167 (72%)	62 (45%)		17 (7.3%)	2 (1.4%)		0	0	
Kebanyakan masalah dapat saya selesaikan sekiranya saya meletakkan usaha yang sepatutnya pada permasalahan tersebut.	86 (37.1%)	83 (60.1%)		143 (61.6%)	54 (39.1%)		3 (1.3%)	1 (0.7%)		0	0	
Saya boleh kekal tenang ketika menghadapi kesukaran kerana saya percaya akan kebolehan saya.	59 (25.4%)	72 (52.2%)		140 (60.3%)	62 (45%)		31 (13.4%)	4 (2.9%)		2 (0.9%)	0	
Apabila saya berhadapan dengan masalah, saya biasanya dapat mencari beberapa penyelesaian.	52 (22.4%)	70 (50.7%)		165 (71.1%)	64 (46.4%)		15 (6.5%)	3 (2.2%)		0	1 (0.7%)	
Jika saya menghadapi masalah, saya biasanya boleh fikirkan jalan penyelesaian	56 (24.1%)	72 (52.2%)		166 (71.6%)	63 (45.7%)		10 (4.3%)	3 (2.2%)		0	0	
Saya biasanya dapat menangani apa sahaja yang datang kepada saya	45 (19.4%)	71 (51.4%)		147 (63.4%)	61 (44.2%)		39 (16.8%)	6 (4.3%)		1 (0.4%)	0	

JADUAL 3: Personal Development Attitude Competition

Soalan	Sangat setuju		Setuju		Tak pasti		Tidak setuju		Sangat tidak setuju	
	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas	Sebelum	Selepas
Saya sukakan persaingan kerana ia memberi saya peluang untuk mengetahui kemampuan saya.	45 (19.4%)	71 (51.4%)	130 (56.0%)	57 (41.3%)	33 (14.2%)	8 (5.8%)	6 (2.6%)	2 (1.4%)	0	0
Persaingan boleh menyebabkan terjalannya persahabatan dengan orang lain.	64 (27.6%)	70 (50.7%)	125 (53.9%)	55 (39.9%)	39 (16.8%)	13 (9.4%)	4 (1.7%)	0	0	0
Saya sukakan persaingan kerana ia cenderung menunjukkan apa yang terbaik dalam diri saya daripada hanya berasa lebih baik daripada orang lain.	67 (28.9%)	71 (51.4%)	137 (59.1%)	56 (40.6%)	18 (7.8%)	8 (5.8%)	9 (3.8%)	2 (1.4%)	1 (0.4%)	1 (5.6%)
Saya suka persaingan kerana ia banyak mengajar saya tentang diri saya.	70 (30.2%)	72 (52.2%)	138 (59.5%)	59 (42.7%)	23 (9.9%)	5 (3.6%)	1 (0.4%)	2 (1.4%)	0	0
Saya sukakan persaingan kerana ia membantu saya untuk menjadi yang terbaik bagi diri saya.	77 (33.2%)	73 (52.9%)	133 (57.3%)	59 (42.8%)	22 (9.5%)	5 (3.6%)	0	1 (0.7%)	0	0
Saya dapati persaingan menyeronokkan kerana ia membolehkan saya menunjukkan potensi dan kebolehan saya sendiri semasa bertanding.	67 (28.9%)	75 (54.3%)	133 (57.3%)	53 (38.4%)	27 (11.6%)	7 (5.1%)	5 (2.2%)	2 (1.4%)	0	0
Saya sukakan persaingan kerana ia mendekatkan saya dan pesaing sebagai rakan persaingan.	52 (22.4%)	71 (51.4%)	138 (59.5%)	54 (39.1%)	34 (14.7%)	11 (8%)	8 (3.4%)	2 (1.4%)	0	0
Saya sukakan persaingan kerana ia dapat membantu mengembangkan potensi diri dengan lebih mendalam berbanding jika saya terlibat dalam aktiviti berseorangan sahaja.	68 (29.3%)	74 (53.6%)	149 (64.2%)	57 (41.3%)	11 (4.7%)	7 (5.1%)	4 (1.7%)	0	0	0

Saya sukakan persaingan kerana ia memberi motivasi yang tinggi kepada saya untuk menjadi yang terbaik dalam diri saya dan bukannya untuk menjadi lebih baik daripada orang lain.

76 (32.8%) 71 (51.4%) 142 (61.2%) 61 (44.2%) 12 (5.2%) 5 (3.6%) 1 (0.4%) 1 (0.7%) 1 (0.4%) 0

JADUAL 4. Analisis Keseluruhan Program

Soalan	Sangat setuju	Setuju	Tidak pasti	Tidak setuju	Sangat tidak setuju
Objektif program tercapai	140 (70.35%)	58 (29.15%)	1 (0.50%)	0	0
Peruntukan masa untuk sesi interaksi dan sesi perbincangan adalah mencukupi	125 (62.8%)	63 (31.66%)	5 (2.51%)	6 (3.02%)	0
Teknik penyampaian panel penceramah dan moderator adalah menarik dan berkesan.	137 (68.84%)	61 (30.65%)	0	1 (0.50%)	0
Program ini memberi input baru kepada peserta	141 (70.85%)	58 (29.15%)	0	0	0
Sesi interaksi dan sesi perbincangan membuka minda positif peserta.	136 (68.34%)	63 (31.66%)	0	0	0
Penggunaan alat bantuan yang berkesan.	127 (63.82%)	69 (34.67%)	2 (1.00%)	0	1 (0.50%)
Peningkatan motivasi diri peserta.	143 (71.86%)	56 (28.14%)	0	0	0
Peserta mampu menentukan arah tuju dan perancangan masa depan yang jelas	127 (63.82%)	70 (35.18%)	2 (1.00%)	0	0
Sesi perbincangan yang kritis dan menyeronokkan.	132 (66.33%)	63 (31.66%)	3 (1.51%)	0	1 (0.50%)
Pada keseluruhannya, program ini berjaya dan bermanfaat.	139 (69.85%)	59 (29.65%)	1 (0.50%)	0	0

yang kompleks. Program yang mengintegrasikan penyelesaian masalah kreatif dan perbincangan analitis kritikal mendorong pelajar untuk terlibat secara mendalam dengan kandungan dan menyatakan pandangan mereka dengan berkesan (Park et al. 2021). Peserta didedahkan kepada kaedah membuat keputusan yang rasional dan beretika, sesuai dengan ciri-ciri kepimpinan yang diperlukan dalam pelbagai konteks profesional.

Hasil soal selidik tentang efikasi sendiri peserta konvensyen sebelum dan selepas konvensyen menunjukkan terdapat peningkatan kebolehan untuk menyelesaikan masalah yang sukar. Peserta percaya bahawa dengan usaha yang bersungguh-sungguh, mereka mampu mengatasi pelbagai cabaran yang timbul. Apabila berhadapan dengan halangan daripada pihak lain, peserta tidak berputus asa; sebaliknya, mereka berusaha mencari kaedah dan pendekatan alternatif untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Sikap ini mencerminkan keazaman mereka untuk beradaptasi dan berinovasi, yang sangat diperlukan dalam dunia yang sentiasa berubah. Terdapat beberapa kajian terkini yang menunjukkan bagaimana efikasi sendiri berperanan penting dalam memupuk keupayaan inovasi dan adaptasi peserta. Sebagai contoh, satu kajian mendapati bahawa efikasi sendiri yang tinggi dapat mendorong keupayaan pelajar universiti untuk menghadapi cabaran dengan lebih yakin dan kreatif, meningkatkan kemampuan mereka untuk berinovasi dan menyesuaikan diri dalam konteks kerja yang berubah-ubah (Li & Liau 2022).

Keteguhan dalam mencapai cita-cita juga merupakan aspek penting yang ditekankan oleh peserta konvensyen. Analisis data menunjukkan bahawa selepas konvensyen, mereka menjadi lebih yakin bahawa mereka dapat menangani kejadian yang tidak dijangka dengan cekap. Dengan berbekalkan sumber dan maklumat yang diperoleh dari pelbagai sesi dan interaksi dengan peserta lain, mereka tahu bagaimana untuk mengatasi situasi luar jangkaan dengan bijaksana. Keupayaan ini memperkukuhkan daya tahan mental mereka dalam menghadapi pelbagai rintangan, serta membolehkan mereka merancang tindakan yang tepat pada masanya. Kajian oleh Fullerton et al. 2021 menunjukkan bahawa ketahanan (*resilience*) mental dan keupayaan menyelesaikan masalah dalam situasi sukar adalah hasil daripada pelbagai faktor, termasuk usaha dalam menyesuaikan strategi serta sikap positif terhadap cabaran. Model *resilience* yang komprehensif menunjukkan bahawa adaptasi positif terhadap tekanan bergantung kepada gabungan faktor peribadi, sumber daya seperti sokongan sosial, dan pendekatan kognitif yang menyokong strategi berdaya tahan dalam

menghadapi rintangan yang tidak dijangka.

Kebolehan untuk berfikir secara kreatif dan kritikal ketika menghadapi masalah adalah satu aset yang sangat berharga bagi peserta konvensyen. Mereka percaya bahawa dalam setiap cabaran terdapat peluang untuk belajar dan berkembang. Beberapa kajian terkini menunjukkan bagaimana kreativiti dan kepercayaan diri (*self-efficacy*) dalam penyelesaian masalah dapat memupuk ketahanan dan meningkatkan keberkesanan dalam kerjaya. Misalnya, sebuah kajian oleh Oh dan Pyo (2023) menemukan bahawa individu dengan tahap efikasi kreatif yang tinggi cenderung mengadaptasi strategi *cognitive reappraisal* (penilaian semula kognitif) yang membantu mengawal emosi secara positif, yang seterusnya menyumbang kepada kepuasan kerjaya yang lebih tinggi serta kemampuan menyelesaikan masalah dengan lebih fleksibel. Konvensyen ini telah memberikan inspirasi dan alat yang berguna bagi mereka untuk mencapai kejayaan dalam kerjaya, sekaligus meningkatkan efikasi sendiri mereka.

Penemuan daripada soal selidik PDAC terhadap peserta KPKS 2021 menunjukkan bahawa suasana persaingan yang tersusun dapat memberikan kesan positif terhadap perkembangan peribadi, terutamanya dalam aspek ketahanan diri, kesedaran sendiri, dan kemahiran berinteraksi dengan rakan sebaya. Persaingan yang sihat membolehkan peserta mengenal pasti kemampuan diri melalui situasi yang mencabar, seterusnya membentuk pemikiran kritis serta sikap proaktif dalam menangani halangan. Aktiviti berorientasikan kepimpinan yang digabungkan dengan elemen persaingan dan interaksi rakan sebaya berkesan dalam meningkatkan kemahiran seperti keyakinan diri, kecerdasan emosi, dan kemampuan beradaptasi—unsur penting untuk kemajuan kerjaya dan ketahanan profesional (Ford et al. 2024; Segovia-Pérez et al. 2019).

Secara keseluruhannya, konvensyen ini berjaya mencapai objektifnya. Majoriti peserta berpuas hati dan terdapat peningkatan dari segi pengetahuan, sikap dan amalan peserta terhadap ciri-ciri kepimpinan, motivasi dan juga perkembangan sendiri. Kajian ini turut menyokong bahawa kepimpinan pelajar bertambah baik semasa menyertai program di kolej (Astin, 1993; Cress et al., 2001; Dugan & Komives, 2010; Komives et al., 2006). Kajian juga menunjukkan bahawa pelajar memperoleh kemahiran kepimpinan melalui program yang dianjurkan di universiti, dan membantu dalam pembangunan kepimpinan pelajar (Antonio, 2001; Astin, Vogelgesang, Ikeda, & Yee, 2000; Cress et al., 2001; Dugan, 2006; Dugan & Komives, 2010; Kezar & Moriarty, 2000; Komives et al., 2006; Smart, Ethington,

Riggs, & Thompson, 2002; Thompson, 2006). Program seperti ini dapat mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran masa depan sebagai pemimpin yang berdaya saing dan berintegriti.

KESIMPULAN

KPKS 2021 yang diadakan pada julung kalinya mencatatkan penglibatan yang baik daripada setiap IPTA/IPTS/Kolej Komuniti/ Politeknik. Kajian ini menunjukkan bahawa program ini berjaya memberi impak yang positif kepada peserta siswi, terutamanya dalam meningkatkan keyakinan diri, peningkatan motivasi yang tinggi, serta dapat memberi hala tuju dan perancangan yang lebih baik dalam aspek kepimpinan siswi. Justeru, program seumpama ini adalah penting untuk diadakan secara berkala bagi melahirkan generasi siswi yang berkualiti tinggi.

RUJUKAN

- Antonio, A. L. (2001). The role of interracial interaction in the development of leadership skills and cultural knowledge and understanding. *Research in Higher Education*, 42(5), 593–617. <https://doi.org/10.1023/A:1011054427581>
- Astin, A. W. (1993). What matters in college?: Four critical years revisited. Jossey-Bass.
- Astin, A. W., & Astin, H. S. (2000). Leadership reconsidered: Engaging higher education in social change. W.K. Kellogg Foundation.
- Cooper, D. L., Healy, M. A., & Simpson, J. (1994). Student development through involvement: Specific changes over time. *Journal of College Student Development*, 35(2), 98–102.
- Council for the Advancement of Standards in Higher Education. (2006). The CAS book of professional standards for higher education (6th ed.). Author.
- Cress, C. M., Astin, H. S., Zimmerman-Oster, K., & Burkhardt, J. C. (2001). Developmental outcomes of college students' involvement in leadership activities. *Journal of College Student Development*, 42(1), 15–27.
- Dugan, J. P. (2006). Involvement and leadership: A descriptive analysis of socially responsible leadership. *Journal of College Student Development*, 47(3), 335–343.
- Dugan, J. P., & Komives, S. R. (2007). Developing leadership capacity in college students: Findings from a national study. *Concepts & Connections*, 15(2), 4–6.
- Dugan, J. P., & Komives, S. R. (2010). Influences on college students' capacity for socially responsible leadership. *Journal of College Student Development*, 51(5), 525–549. <https://doi.org/10.1353/csd.0.0148>
- Ford, S. J., dos Santos, R., & dos Santos, R. (2024). Empowering female high school students for STEM futures: Career exploration and leadership development at Scientella. *Education Sciences*, 14(9), 955. <https://doi.org/10.3390/educsci14090955>
- Fullerton, D. J., Zhang, L. M., & Kleitman, S. (2021). An integrative process model of resilience in an academic context: Resilience resources, coping strategies, and positive adaptation. *PLOS ONE*, 16(2), e0246000. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0246000>
- Goleman, D., Boyatzis, R., & McKee, A. (2002). *Primal leadership: Learning to lead with emotional intelligence*. Harvard Business School Press.
- Haber, P. (2006). Structure, design, and models of student leadership programs. In S. R. Komives, J. P. Dugan, J. E. Owen, C. Slack, & W. Wagner (Eds.), *Handbook for student leadership programs* (pp. 29–51). National Clearinghouse for Leadership Programs.
- Higher Education Research Institute. (1996). *A social change model of leadership development* (3rd ed.). HERI.
- Ibrahim, M. (1993). *Kepemimpinan sekolah: Teori dan praktis*. Kumpulan Budiman.
- Kezar, A., & Moriarty, D. (2000). Expanding our understanding of student leadership development: A study exploring gender and race/ethnicity. *Journal of College Student Development*, 41(1), 55–70.
- Komives, S. R., Dugan, J. P., Owen, J. E., Slack, C., & Wagner, W. (Eds.). (2006). *Handbook for student leadership programs*. National Clearinghouse for Leadership Programs.
- Komives, S. R., Dugan, J. P., Owen, J. E., Slack, C., & Wagner, W. (Eds.). (2011). *Handbook for student leadership development* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Komives, S. R., Longerbeam, S. D., Owen, J. E., Mainella, F. C., & Osteen, L. (2006). A leadership identity development model: Applications from a grounded theory. *Journal of College Student Development*, 47(4), 401–418.
- Komives, S. R., Lucas, N., & McMahon, T. R. (2007). *Exploring leadership: For college students who want to make a difference* (2nd ed.). Jossey-Bass.
- Kuh, G. D., Schuh, J. H., Whitt, E. J., Andreas, R. E., Lyons, J. W., Strange, C. C., Krehbiel, L. E.,

- & MacKay, K. A. (1991). Involving colleges: Successful approaches to fostering student learning and development outside the classroom. Jossey-Bass.
- Li, X., Pu, R., & Liao, H. (2022). The impacts of innovation capability and social adaptability on undergraduates' employability: The role of self-efficacy. *Frontiers in Psychology*, 13, 954828. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.954828>
- Oh, S., & Pyo, J. (2023). Creative self-efficacy, cognitive reappraisal, positive affect, and career satisfaction: A serial mediation model. *Behavioral Sciences*, 13(11), 890. <https://doi.org/10.3390/bs13110890>
- Park, J. H., Niu, W., Cheng, L., & Allen, H. (2021). Fostering creativity and critical thinking in college: A cross-cultural investigation. *Frontiers in Psychology*, 12, 760351. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.760351>
- Roberts, D. C. (1997). The changing look of leadership programs. *Concepts & Connections*, 5(2), 1–14.
- Roberts, D. C., & Ullom, C. (1990). Student leadership program model. National Clearinghouse for Leadership Programs.
- Segovia-Pérez, M., Laguna-Sánchez, P., & de la Fuente-Cabrero, C. (2019). Education for sustainable leadership: Fostering women's empowerment at the university level. *Sustainability*, 11, 5555. <https://doi.org/10.3390/su11205555>
- Shankman, M. L., & Allen, S. J. (2008). Emotionally intelligent leadership: A guide for college students. Jossey-Bass.
- Smart, J. C., Ethington, C. A., Riggs, R. O., & Thompson, M. D. (2002). Influences of institutional expenditure patterns on the development of students' leadership competencies. *Research in Higher Education*, 43(1), 115–132.
- Thompson, M. D. (2006). Student leadership process development: An assessment of contributing college resources. *Journal of College Student Development*, 47(3), 343–350.
- Zimmerman-Oster, K., & Burkhardt, J. C. (1999). Leadership in the making: Impact and insights from leadership development programs in U.S. colleges and universities. W.K. Kellogg Foundation.

Wilfred Mok Kok Hoe*
 Centre for Community Health Studies (ReaCH)
 Faculty of Health Sciences
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 50300 Kuala Lumpur

Nur Aimi Amalina Binti Abdul Aziz
 Centre for Research in Psychology and Human Well-Being,
 Faculty of Social Sciences and Humanities,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor

Lai Wei Sieng
 Pusat Pengajian Ekonomi,
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan,
 Universiti Kebangsaan Malaysia,
 43600 UKM Bangi, Selangor

Roslee Rajikan
 Pusat Kajian Penuaan Sihat & Kesejahteraan
 Fakulti Sains Kesihatan
 Kampus Kuala Lumpur
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Jalan Raja Muda Abdul Aziz
 50300, Kuala Lumpur

Noor Alaudin Abdul Wahab
Pusat Kajian Rehabilitasi & Keperluan Khas
Fakulti Sains Kesihatan
Kampus Kuala Lumpur
Universiti Kebangsaan Malaysia
Jalan Raja Muda Abdul Aziz
50300, Kuala Lumpur

*Pengarang untuk surat menyurat; e-mel: wilfred.mok@moh.gov.my